

CNS2488

R GB 27-01 00171 BB856

Bah

Raja - KSN

GARIS PANDUAN KAKITANGAN KERAJAAN BERSANGKUT DENGAN RAJA-RAJA DIGUBAL KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Satu garis panduan sedang digubal oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan kakitangan awam mendapatkan kelulusan jabatan apabila dipanggil oleh pihak istana.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata beliau juga akan mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai kerajaan untuk menjelaskan mengenai garis panduan itu dalam masa satu-dua minggu ini.

"Buat masa ini pegawai-pegawai kerajaan terpaksa menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk membuat keputusan apabila dipanggil oleh pihak istana," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Pembaharuan dan Kemajuan Dalam Perkhidmatan Awam-1992" di sebuah hotel terkemuka di sini.

Ahmad Sarji juga berkata sebarang tindakan tatatertib ke atas Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Datuk Abdul Rahim Ramli hanya boleh diambil oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri dan pihak berkuasa negeri dan tidak oleh pegawai persekutuan.

Ini kerana jawatan beliau ialah di bawah perkhidmatan awam negeri, katanya.

-- Lagi

▼27/01/23-48MST

CNS2490

R GB 28-01 00128 BB857

Bah

Raja - KSN 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sebelum itu, Ahmad Sarji turut melancarkan "garis panduan mengenai pemberian anugerah perkhidmatan cemerlang perkhidmatan awam" pada majlis itu.

Dalam ucapannya, beliau berkata garis panduan itu ialah untuk menyeragamkan pemberian anugerah perkhidmatan awam dan penerima anugerah itu dibuat mengikut sistem penilaian prestasi tahunan Sistem Saraan Baru (SSB).

Di bawah garis panduan yang baru itu hanya kakitangan kerajaan yang mencapai prestasi cemerlang dan mendapat pergerakan gaji secara melintang berhak menerima anugerah perkhidmatan cemerlang mulai tahun ini, katanya.

Ahmad Sarji berkata, selain mendapat anugerah bonus sebulan gaji, cuti tanpa rekod bergaji penuh selama tujuh hari, sijil perkhidmatan dan cenderamata bernilai tidak melebihi RM300, mereka juga akan diberikan keutamaan mengikuti program-program pembangunan kerjaya. -- Bernama

▼28/01/00-00MST